

## **Malaysia Dijangka Kurangkan Import Produk Makanan Ternakan Menerusi Polisi Pelaburan Timbal Balik**

**Bernama**

**15 Oktober, 2011**

**Oleh Amanina Mohamad Yusof**

PHNOM PENH, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia dijangka mampu mengurangkan kebergantungan import produk makanan ternakan dan risiko krisis makanan global menjelang 2020 menerusi polisi pelaburan timbal balik.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar berkata hasrat ini dapat direalisasikan dengan termeterainya perjanjian persefahaman antara syarikat Malaysia, Markmore Group yang diwakili pengerusinya Tan Sri Halim Saad dan syarikat Kemboja, Paragon Corporation, diwakili pengerusinya Marc Perman.

Beliau berkata Markmore dan Paragon membuat pelaburan awal berjumlah RM2 bilion untuk mengusahakan ladang berkeluasan 400,000 hektar di daerah Kampung Cham, Kratie serta Mondulkiri.

"Saya berharap Markmore dapat memberi sumbangan kepada perkembangan pertanian di Malaysia, terutamanya dalam sektor makanan ternakan seperti jagung dan soya kerana bahan pertanian yang banyak kita import ialah makanan ternakan haiwan berbanding daging," katanya kepada pemberita di sini, Sabtu.

Noh berkata melalui Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020, kerajaan berhasrat mewujudkan rantaian nilai, termasuk ternakan.

Justeru, beliau menggalakkan syarikat tempatan melabur di bawah polisi pelaburan timbal balik kerana cara yang dijalankan sama seperti melabur di Malaysia.

Pelaburan timbal balik di luar negara merupakan suatu alternatif yang diperkenalkan kerajaan bagi meningkatkan sumber bekalan makanan serta memperkukuh jaminan bekalan makanan dalam negara.

Komoditi yang dibawa masuk melalui kaedah pelaburan timbal balik akan dianggap sebagai keluaran tempatan Malaysia, dengan syarat keseluruhan keluaran adalah bersumberkan daripada pelaburan yang dibuat, dan bukan diperolehi menerusi pembelian atau pengumpulan daripada pihak ketiga.

Pada majlis sama, Noh berkata kerajaan akan memeterai perjanjian dengan Kemboja dalam bidang pertanian pada awal tahun depan bagi memudahkan aktiviti pertanian di kedua-dua negara.

Sementara itu, Halim berkata antara tanaman awal yang bakal diusahakan ialah jagung, soya dan tebu dengan hasil tanaman dijangka dituai seawal 2013.

Beliau berkata kawasan ladang itu akan dipajak daripada kerajaan Kemboja bagi tempoh 70 tahun bagi membolehkan Markmore membangunkannya dan bekerja dengan masyarakat tempatan bagi mewujudkan bandar baru, serta membuka kawasan baru.

"Di samping itu, penggunaan kawasan tanah ladang yang disasarkan akan membuka kemungkinan pembangunan infrastruktur, sekaligus mewujudkan lebih banyak peluang

pekerjaan kepada penduduk tempatan.

"Program pembangunan wilayah akan membolehkan masyarakat tempatan mempelbagaikan asas ekonomi mereka, dan penyediaan kemudahan moden akan merangsang ekonomi keseluruhan kawasan yang membawa kepada peningkatan pendapatan dan taraf kehidupan lebih baik," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620109>